

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Sumbangan Barangan Runcit dan Roti oleh LDS Charities kepada Keluarga Kurang Bernasib Baik yang Terjejas oleh Pandemik Covid-19

Bagi pihak LDS Charities, ahli-ahli Presidensi Daerah Kuala Lumpur dan Majlis Komunikasi Kebangsaan Gereja di Malaysia telah menghadiri acara sumbangan runcit dan roti daripada Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti (PSPK) Daerah Gombak, Selangor, Malaysia. Acara ini telah diadakan pada hari Ahad, 19 Disember 2021.

Barangan runcit dan roti disumbangkan kepada golongan memerlukan yang terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.



Penerima tiba di pertubuhan untuk menerima pek barangan runcit setiap seorang. Ahli-ahli PSPK dan Presidensi Daerah Kuala Lumpur Malaysia membantu dalam usaha itu.

“Pada kemuncak pandemik pada tahun 2020, dan di tengah-tengah perintah berkurang, Gereja dapat membantu komuniti tempatan yang disokong oleh PSPK,” kata Presiden Royce Tai yang berkongsi pengalamannya. “Dana telah disumbangkan oleh LDS Charities untuk membolehkan persatuan menghasilkan roti yang seterusnya akan disumbangkan kepada golongan miskin.”

Dia seterusnya menambah, “Pada tahun 2021, atas permintaan PSPK dan juga hasrat kami untuk menghulurkan lebih banyak bantuan, LDS Charities mengatur sumbangan lebih daripada sekadar roti. Barangan runcit serta barangan keperluan rumah seperti peralatan mandian diberikan. Peruntukan ini membantu meringankan beban mereka dalam kumpulan berpendapatan rendah yang terjejas teruk akibat perintah berkurang yang berterusan.”

Presiden Tai sangat gembira projek itu berjaya kerana dia menyaksikan ramai keluarga dan individu menerima bekalan makanan dan keperluan lain. Para penerima merakamkan ucapan terima kasih yang mendalam atas sumbangan yang diterima.

Salah seorang sukarelawan di acara itu, Victoria Ho, berkata dia sangat gembira untuk melayani dan menyokong Gereja dalam projek ini.

Dia berkongsi, “Ia adalah pengalaman yang bermakna. Acara sukarela memberi saya peluang untuk meluangkan masa di luar jadual sibuk saya untuk melayani golongan yang memerlukan, terutamanya semasa musim Krismas. Kempen menderma adalah cara yang bagus untuk menyokong kempen Terangi Dunia Gereja. Saya pasti penerima merasakan kasih Tuhan sebagaimana saya merasakan kasih Juruselamat untuk mereka.”

Ditubuhkan pada 2006, Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor, Malaysia (PSPK) ialah sebuah organisasi bukan untung, amal dan dikecualikan cukai. Pertubuhan itu memberi tumpuan kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka, wanita yang memerlukan, dan warga emas dengan menyediakan perkhidmatan sosial dan latihan kemahiran berdaya usaha. Pertubuhan itu juga menyediakan rangka kerja yang memperkasakan wanita untuk berdikari.

Sejak beberapa tahun lalu pertubuhan itu telah menerima sumbangan daripada LDS Charities. Ini termasuk kemudahan bakeri yang serba lengkap, makmal komputer yang dilengkapi dengan stesen kerja komputer, bilik jahitan yang dilengkapi dengan meja dan mesin jahit, bilik belajar, dan bumbung industri di atas kawasan lapang di pusat persatuan.

LDS Charities, Presidensi Daerah Kuala Lumpur Malaysia, dan Majlis Komunikasi Kebangsaan Gereja di Malaysia terus menyokong usaha pertubuhan itu untuk membangunkan kemahiran berdikari dan berdaya usaha di kalangan wanita yang dan keluarga mereka yang memerlukan di Selangor, Malaysia.



Barangan runcit sumbangan LDS Charities kepada Persatuan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti (PSPK) Daerah Gombak, Selangor di Malaysia.



Bungkusan barangan runcit yang disumbangkan oleh LDS Charities memenuhi sebuah bilik di pusat persatuan.



Dua ratus pek roti sedia untuk diedarkan. Setiap pek mempunyai empat ketul roti berjumlah 800 keping roti yang dibakar oleh PSPK untuk golongan miskin dan memerlukan yang terjejas akibat pandemik.



Seorang ahli Majlis Komunikasi Kebangsaan Gereja di Malaysia secara sukarela menyerahkan roti bakar segar kepada penerima di pusat pertubuhan itu.



Seorang penerima dengan pek barangan runcitnya menerima roti bakar segar.




Seorang penerima menerima pek barangan runcit.



Seorang ahli Majlis Tinggi Daerah Kuala Lumpur Malaysia yang menjadi sukarelawan di pusat persatuan itu sedang mengedarkan pek barangan runcit kepada penerima.



Seorang ahli dari Presidensi Daerah Kuala Lumpur Malaysia yang menjadi sukarelawan di pusat persatuan itu sedang mengedarkan pek barangan runcit kepada penerima.



Persembahan slaid yang dikendalikan oleh pengurus persatuan.



Ahli-ahli gereja dari Presidensi Daerah Kuala Lumpur Malaysia, ahli-ahli dari Majlis Komunikasi Kebangsaan Gereja di Malaysia, sukarelawan Gereja, dan pemimpin persatuan itu berkumpul untuk gambar kumpulan.